

16 MAR 2001

Fadzil-Runding

PAS MASIH SEDIA UNTUK TERUSKAN RUNDINGAN, KATA FADZIL

PENDANG, 16 Mac (Bernama) -- Pas masih tetap bersedia untuk meneruskan rundingan dengan Umno mengenai perpaduan Melayu tetapi mahu syarat-syarat yang diberikannya dipenuhi terlebih dahulu.

Presiden Pas Datuk Fadzil Noor berkata syarat-syarat yang diberikan oleh Pas untuk berunding itu patut dipenuhi sebagai menunjukkan keikhlasan Umno untuk mengadakan perundingan itu.

"Kita tidak minta apa-apa, cuma kita minta bagi balik apa yang kita dapat sebelum ini, mereka mestilah ikhlas kalau nak berunding," kata beliau kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau telah diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang meminta Pas menyatakan pendiriannya dengan jelas sama ada ia mahu bertemu dengan Umno atau sebaliknya untuk membincangkan kepentingan orang Melayu dan bukannya memberi pelbagai alasan.

Presiden Umno itu dilaporkan berkata terpulanglah kepada Pas untuk menyatakan pendirian mereka tetapi Umno tetap berpendapat pertemuan itu penting dan baik bagi semua orang Melayu.

Syarat-syarat yang dikemukakan oleh Pas sebelum ini ialah supaya royalti minyak dikembalikan kepada kerajaan negeri Terengganu; akhbar Harakah dibenarkan diterbitkan dua kali seminggu semula, dan; Umno menggugurkan cadangan supaya perkataan Islam dilarang daripada digunakan dalam nama pertubuhan termasuk parti politik.

Fadzil berkata, Pas tidak menetapkan berapa perkara yang hendak diadakan dalam agenda perbincangan mengenai perpaduan Melayu itu, dan akan sedia berbincang mengenai apa sahaja.

Parti itu juga, katanya, tidak menetapkan sebarang tempoh waktu untuk mengadakan perbincangan itu, dan bersedia berbincang pada bila-bila masa sahaja.

-- BERNAMA

MNH NMO